

Zaidatul akui puas hati, dapat pengalaman

BERITA HARIAN

14/8/2016 P. 2

Rio de Janeiro: Ratu pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli menyifatkan peluangnya dapat berlari bersama jaguh handalan dunia di Stadium Olimpik semalam adalah pengalaman yang terlalu mahal harganya.

“Saya puas hati dan sangat gembira kerana dapat berlari dengan jaguh dunia lain. Peluang sebegini bukan mudah diperolehi. Ia adalah pengalaman yang paling bernilai dalam hidup saya dan saya akui sungguh bertuah.

“Malah kejayaan mara ke saringan pusingan pertama saya anggap satu kejayaan walaupun catatan saya jauh tersasar,” kata Zaidatul yang akan genap berusia 23 tahun pada 20 Ogos ini.

Atlet kelahiran Pulau Pinang itu yang beraksi pertama kali di temasya terbesar dunia empat tahun sekali itu atas tiket wildcard tidak menghampakan apabila layak ke saringan pusingan pertama.

Namun atlet yang bertubuh kecil itu tidak mampu menyaingi kepantasan jaguh dunia lain apabila gagal mara ke separuh akhir selepas menduduki tangga terakhir daripada 64 pelari dengan mencatat kepantasan 12.62 saat (s).

Jauh tersasar

Catatan itu jauh tersasar daripada masa 12.12s yang dilakukan pada saringan pusingan kelayakan dan catatan peribadi terbaiknya iaitu 11.62s yang dilakukan sewaktu Sukan Universiti ASEAN 2014 di Palembang, Indonesia.

Malah kepantasan yang dilakukan itu juga gagal menghampiri catatan terbaiknya musim ini 11.67s yang dilakukan di Kejohanan Kasantov Memorial di Almaty, Kazakhstan, Jun lalu.

Apapun, Zaidatul percaya pengalaman yang ditimba di Rio ini juga mampu mendorongnya untuk berlatih lebih keras dan cuba memecahkan rekod kebangsaan milik G Shanti yang dilakukan bekas ratu pecut itu pada Mei 1993.

“Saya berjanji akan cuba memecahkan rekod itu. Ia sudah bertahan terlalu lama. Jika ditanya bila saya akan berhenti, saya tidak tahu. Saya akan berlari sehingga saya puas.

“Malah jika ada rezeki lagi, saya juga harap dapat berlari di Olimpik lagi,” katanya.

Seorang lagi wakil negara dalam acara olahraga, Nauraj Singh akan beraksi dalam acara lompat tinggi hari ini.